



Zakat Memacu Pembangunan Ekonomi Usahawan

PADA tahun 2013, RM492.011.373 zakat harta berjaya dikutip daripada pembayar di Wilayah Persekutuan. Jumlah tersebut merangkumi jumlah kutipan zakat harta oleh Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), iaitu sebanyak RM484.63 juta dan zakat fitrah yang dikutip oleh MAIWP sebanyak RM7.38 juta.

Kutipan zakat harta pada tahun 2013 meningkat sebanyak 20 peratus berbanding dengan kutipan zakat pada tahun 2012, iaitu sebanyak RM402.81 juta. Sementara itu, bagi jumlah

pembayar turut meningkat sebanyak 12 peratus, iaitu daripada 114.412 orang pembayar pada tahun 2012 kepada 128.061 orang pada tahun 2013.

Peningkatan jumlah pembayar zakat memberikan petunjuk yang positif bahawa kesedaran membayar zakat semakin meningkat, khususnya di Kuala Lumpur. Peningkatan ini dapat dijadikan penanda aras awal bahawa PPZ-MAIWP mampu untuk terus menerima kutipan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Hal ini ditambah lagi dengan pelbagai program dan aktiviti kesedaran yang dianjurkan oleh MAIWP, khususnya berhubung dengan agihan zakat untuk menyantuni asnaf. Melalui usaha ini, pembayar zakat dapat melihat pengagihan wang zakat yang dibayar dan seterusnya meningkatkan kepercayaan mereka untuk terus menunaikan zakat kepada PPZ-MAIWP.

Hal yang demikian juga berlaku di Selangor apabila Pusat Zakat Selangor (PZS) berjaya mengutip zakat lebih daripada jumlah yang disasarkan. Pada tahun 2013, jumlah kutipan zakat di negeri tersebut melebihi sasaran, iaitu RM517.4 juta berbanding dengan RM451.3 juta pada tahun 2012. PZS hanya menasaskan sebanyak RM470 juta kutipan zakat pada tahun 2013, tetapi jumlah tersebut meningkat melebihi seperti yang diunjurkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM497.9 juta dikutip daripada zakat harta, manakala RM19.6 juta daripada zakat fitrah.

Pada hakikatnya, kewajipan membayar zakat merupakan suatu tanggungjawab yang membawa berkat dan memberikan kesan yang

berterusan bukan sahaja kepada mereka yang mengeluarkannya, tetapi juga kepada mereka yang menerimanya. Pelaksanaan zakat turut memberikan kesan bukan sahaja kepada individu, bahkan kepada seluruh lapisan masyarakat. Zakat turut berperanan bagi meningkatkan kebajikan masyarakat dan membantu memperkasakan kegiatan ekonomi. Allah SWT mewajibkan zakat sebagai salah satu jaminan sosial kepada masyarakat, terutama kepada golongan yang amat memerlukan.

Di samping itu, rukun Islam yang keempat ini dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat. Zakat juga merupakan satu daripada bentuk penyucian dan pembangunan rohani setiap Muslim. Zakat berupaya berperanan sebagai mekanisme yang penting kepada sesebuah negara Islam bagi menjamin kemaslahatan rakyat. Zakat amat signifikan bagi membasmi kemiskinan dan menjamin keseimbangan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin melalui mekanisme agihan semula kekayaan dalam masyarakat.

Zakat sebagai pendapatan yang tetap dan menjadi kewajipan untuk sentiasa dilaksanakan oleh sesebuah negara Islam. Oleh itu, negara Islam dapat menggunakan sumber zakat bagi membina kekuatan ekonomi, sosial, pendidikan, dan pada akhirnya, berupaya membina kekuatan umat Islam dan sekali gus membina kesatuan ummah yang jitu. Masalah membasmi kemiskinan merupakan tujuan utama sistem zakat dalam Islam melalui penyediaan saraan hidup dan modal yang mencukupi bagi golongan yang memerlukan. Saraan hidup daripada zakat diperuntukkan kepada golongan yang tidak mampu bekerja dengan sebab cacat anggota atau sebagainya. Modal pula diperuntukkan kepada golongan yang mampu bekerja tetapi tidak mempunyai modal untuk menjalankan pekerjaan.

Dalam Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ), pengagihan zakat di Malaysia boleh dibuat melalui dua kaedah, iaitu pertama, agihan secara sara diri dan kedua, agihan secara produktif. Agihan sara diri disalurkan dalam bentuk saraan bulanan, bantuan khas bayaran sewa rumah atau bantuan pendidikan. Bantuan jenis ini bertujuan untuk membantu fakir miskin meneruskan kehidupan supaya dapat memenuhi keperluan asas yang dikehendaki.

Agihan produktif disalurkan dalam bentuk modal sama ada modal insan ataupun modal perniagaan. Bantuan modal insan disediakan dalam bentuk latihan kemahiran, manakala modal perniagaan dalam bentuk tunai mahupun

peralatan. Bantuan modal perniagaan bertujuan bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik, iaitu daripada golongan penerima zakat kepada golongan pembayar zakat.

Dengan kata lain, matlamat akhir skim bantuan modal perniagaan adalah untuk menukar status golongan penerima zakat kepada golongan pembayar zakat. Mereka terdiri daripada golongan fakir, miskin, dan muafak yang diberi peluang untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dengan bantuan modal perniagaan daripada institusi zakat.

Antara syarat yang melayakkan mereka mendapat bantuan modal perniagaan termasuklah memiliki lesen dan/atau tapak perniagaan daripada pihak berkuasa berkenaan dan jika perlu, pemohon menghadiri kursus induksi sebelum menerima bantuan. Bagi mendapatkan bantuan kali kedua, pemohon perlu mengikuti kursus lanjutan dan menyediakan akaun perniagaan. Sementara itu, bantuan modal pusingan perniagaan boleh diberikan kepada mereka yang mempunyai pekerjaan tetapi tidak mencukupi *haddul kifayah*, seperti pengawal keselamatan, pemandu, dan sebagainya.

Setelah pemohon mengisi borang khas, bantuan akan diberikan sama ada dalam bentuk wang tunai atau peralatan. Pemohon juga perlu menghadiri taklimat daripada institusi zakat. Dalam

**Zakat
berupaya berperanan
sebagai mekanisme
yang penting kepada
sesebuah negara
Islam bagi menjamin
kemaslahatan
rakyat.**

Pusat zakat memberikan bantuan kepada golongan asnaf yang menceburi bidang pertanian, perikanan dan penternakan.



ctr.no = 0000 274663

ECO2015/ACG

Sebagai penerima zakat, bantuan tersebut perlulah dikembangkan agar hasilnya kelak mampu membantu asnaf lain yang memerlukannya.

kes tertentu, lawatan tapak perniagaan oleh institusi zakat turut dilakukan. Prosedur yang diamalkan oleh PZS misalnya adalah lebih terperinci. Bermula dengan mengenal pasti asnaf yang layak dan berkebolehan untuk dibangunkan, seterusnya mereka akan didedahkan dengan pelbagai kursus untuk memantapkan pengetahuan dalam bidang perniagaan. Asnaf akan diberi bantuan modal perniagaan dan modal pusingan. Dengan bantuan bahagian penyelidikan, PZS akan memastikan perniagaan yang dipilih mampu berkembang dengan baik dan akan terus mengadakan pemantauan pada setiap aktiviti yang dijalankan oleh asnaf tersebut bagi memastikan perniagaan yang dijalankan akan terus bersaing.

Menyadari bahawa kebanyakan asnaf yang memohon bantuan modal perniagaan dan modal pusingan tidak mempunyai pengetahuan yang luas dalam perniagaan, maka PZS berusaha keras memastikan produk yang dihasilkan diterima umum. Misalnya, jika penerima bantuan bercadang untuk menghasilkan produk makanan, PZS akan membuat penyelidikan bagi setiap produk yang dihasilkan dan membantu memperbaikinya jika terdapat kelemahan pada produk tersebut. Di samping itu, PZS turut melantik konsultan khas bagi membuat pemantauan secara dekat dari permulaan perniagaan sehinggalah berjaya. Lebih penting lagi PZS juga mengadakan

kerjasama dengan badan kerajaan yang turut serta dalam program pembangunan usahawan untuk bersama-sama membangunkan usahawan dalam kalangan asnaf.

Antara bentuk bantuan yang diberikan termasuklah barangan atau perkakasan yang diperlukan untuk memulakan aktiviti ekonomi yang dipohon, seperti menyediakan prasarana yang diperlukan, misalnya tapak sawah, tapak gerai, bengkel dan pemberian wang tunai sebagai pusingan modal. Sementara itu, jumlah bantuan modal perniagaan adalah sebanyak RM5000 (permulaan perniagaan). Sekiranya perniagaan semakin maju, maka pihak PZS akan memberikan modal tambahan sebanyak RM5000. Terdapat dua bentuk bantuan modal, iaitu modal memulakan perniagaan dengan nilai maksimum sebanyak RM5000 dan modal mengembangkan perniagaan dengan jumlah maksimum sebanyak RM30 ribu.

Kesedaran bagi membina perniagaan dalam kalangan asnaf semakin ketara apabila pada setiap tahun berlaku peningkatan jumlah penerima bantuan perniagaan. Menurut statistik PZS, pada tahun 2011 sebanyak 420 110 orang yang berjaya menerima bantuan perniagaan. Jumlah tersebut meningkat pada tahun 2012, kepada 998 219 orang.

Tidak dinafikan wujud cabaran untuk membangunkan usahawan asnaf zakat. Antaranya termasuklah sikap, mentaliti, persaingan, dan daya tahan bagi menjalankan perniagaan masing-masing. Ada juga dalam kalangan mereka yang tidak benar-benar memahami selok-belok perniagaan dan kurang daya tahan bagi menghadapi cabaran perniagaan. Hal ini mengakibatkan ada dalam kalangan mereka yang mudah berputus harap dan akhirnya gagal dalam perniagaan. Perkara inilah yang menjadi cabaran yang besar kepada pusat zakat di seluruh negara. Oleh itu, penerima bantuan zakat perlu sentiasa berfikir terbuka dan sentiasa peka dengan kehendak pasaran. Sebagai penerima zakat, bantuan tersebut perlulah dikembangkan agar hasilnya kelak mampu membantu asnaf lain yang memerlukannya.

Pada hari ini, dengan peningkatan jumlah pembayar zakat di seluruh negara, bermakna lebih banyak asnaf bakal meraih bantuan. Meskipun bermula dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perlu diingat bahawa PKS mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara dan diunjurkan mampu menyumbang sebanyak 35 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Pada tahun 2020, kerajaan menyasarkan jumlah tersebut meningkat sebanyak 41 peratus. **de**

“SEBAGAI hamba yang pula kita kepada diri, orang hukum Allah.” Itulah selama ini oleh pengel Pinang, Pak Ali Food berada pada tahap sukar bagi mencapai benar-benar ikhlas da mengai hasrat yang

Mungkin tidak kewujudannya, teta penduduk yang berad kehadiran Jeruk Mad “auranya”. Malah tid Jeruk Madu Pak Ali Pulau Pinang, selain untuk dibawa pulang ini. Lebih mengujaka sahaja memelopori berjaya menembusi Mesir, dan beberapa

Pengarah Urusan alih urusan syarikat set pengasas Jeruk Madu tahun 2013 setelah bahawa kejayaan merupakan hasil usat

Jadual Jenis bantuan yang disediakan untuk golongan asnaf menjalankan perniagaan.

BIL.	JENIS BANTUAN
1.	Periklanan – bot, enjin dan pukat.
2.	Pertanian – pam air, baja, racun serangga dan benih.
3.	Peruncitan – modal tunai, sewa premis dan barangan kekal
4.	Kedai jahit – mesin, sewa premis dan modal tunai.
5.	Kedai makan – sewa premis, alatan dan modal tunai.
6.	Bengkel kereta – sewa premis, alatan dan modal tunai.
7.	Bas/van sekolah – kenderaan.
8.	Salon – sewa premis, alatan dan modal tunai.
9.	Penternakan – benih kambing, kandang, mesin dan modal tunai.
10.	Pembekal kelapa – lori dan modal tunai.
11.	Tadika/taska – kenderaan, sewa premis, modal tunai.
12.	Perusahaan kecil (tepung dan cili giling) – modal tunai, sewa premis dan kenderaan.
13.	Kedai dobi – modal tunai dan sewa premis.

